

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **Lisan**
DARIPADA : **Dato' Dr. Nik Mazian bin Nik Mohamad (Pasir Puteh)**
TARIKH : **13 Oktober 2014 (Isnin)**
SOALAN : **Dato' Dr. Nik Mazian bin Nik Mohamad** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI** menyatakan perkembangan terkini tentang pembahagian subsidi-subsidi padi di Kelantan. Berapa ramaikah penerima subsidi ini dan berapakah peruntukan yang dikeluarkan untuk setiap komponen dalam tahun 2013 dan 2014.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM2.201 bilion pada tahun 2014 bagi pemberian bantuan subsidi dan insentif di bawah sub-sektor padi dan beras.

Terdapat lima (5) jenis bantuan dalam bentuk subsidi dan insentif yang diberikan kepada petani iaitu Insentif Benih Padi Sah (IBPS), Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan (SBPKP), Insentif Pengeluaran Padi (IPP), Skim Subsidi Harga Padi (SSHP) dan Insentif Peningkatan Hasil (IPH). Bagi Insentif Benih Padi Sah, para petani dapat membeli Benih Padi Sah pada harga rendah iaitu 1.40/Kg berbanding RM2.80/Kg pada harga pasaran terbuka selaras dengan matlamat untuk menggalakkan pesawah menggunakan benih padi yang bermutu tinggi. Sehubungan itu, pesawah dapat meningkatkan hasil pengeluaran disamping menambah pendapatan. Untuk makluman Yang Berhormat, setakat 31 Ogos 2014, jumlah bayaran bagi Subsidi Harga Padi dan Insentif Peningkatan Hasil yang telah disalurkan kepada petani di Kelantan pula adalah masing-masing sebanyak RM18,052,589.79 dan RM539,320.12 dengan penglibatan seramai 9,859 orang petani.

Berhubung dengan bilangan penerima dan peruntukan yang dikeluarkan untuk subsidi-subsidi bagi baja di Kelantan, jumlah penerima subsidi tersebut adalah seperti berikut:

Bil.	Tahun	Bil. Penerima	Baja Urea (RM)	Baja Sebatian (RM)	Jumlah (RM)
1.	2013	16,681	8,618,797	24,646,948	33,265,745
2.	2014 (Musim 1/2014)	10,109	5,312,053	15,202,844	20,514,897
JUMLAH		26,790	13,930,850	39,849,792	53,780,642